

24 OCT 1999

Umno-Calon

DR MAHATHIR BELUM MINTA NAMA CALON DARI UMNO, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum meminta Umno memberikan kepada beliau senarai nama bakal calon parti itu untuk pilihan raya umum akan datang, kata setiausaha agung parti Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata bahawa sepanjang pengetahuannya setakat ini Perdana Menteri belum meminta senarai itu daripada semua Pengerusi Badan Pehubungan Umno Negeri.

"Setakat yang saya tahu belum lagi," katanya kepada pemberita hari ini ketika ditanya sama ada Dr Mahathir selaku Presiden Umno sudah meminta senarai nama tokoh yang lazimnya dikemukakan kepada presiden parti oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Menurut Khalil pada lazimnya pun Umno hanya akan mengumumkan nama-nama calon di saat-saat akhir menjelang hari penamaan calon.

Khalil yang juga Menteri Penerangan sebelum itu merasmikan sambutan Hari Keluarga kementerian itu yang disertai kakitangan dan keluarga Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan, Filem Negara, Finas dan Bernama di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Beliau berkata bahawa yang penting ialah Umno bergerak sebagai sebuah parti dan tidak atas nama calon.

"Cara sekarang ini yang paling baik kerana Presiden parti sendiri sering menekankan bahawa tumpuan ialah parti kerana yang bertanding ialah parti, lambang parti yang digunakan dan bagi Umno di saat akhir baru kita umumkan nama-nama calon," katanya.

Beliau berkata kalau sudah diketahui siapa yang bakal menjadi calon, mungkin ada pihak tertentu seperti penyokong pihak yang tidak terpilih sebagai calon agak keberatan untuk bergerak.

Ketika ditanya sama ada ibu pejabat Umno sudah menerima cadangan nama-nama calon, beliau berkata secara langsung ibu pejabat Umno tidak berbuat demikian.

Beliau menjelaskan bahawa dalam amalan biasa, Presiden parti akan meminta Pengerusi Perhubungan Umno Negeri membuat cadangan tetapi akhirnya keputusan dibuat oleh Presiden.

Khalil bagaimanapun tidak menolak kemungkinan ada pihak tertentu mengambil inisiatif untuk mengenal pasti calon yang mereka rasakan layak bertanding tetapi ia bukanlah atas arahan rasmi ibu pejabat Umno.

"Setiap kali pilihan raya ada pihak yang fikir ada tokoh akan ketinggalan jika nama mereka tidak dikemukakan dan dengan itu mereka mengambil inisiatif sendiri," katanya.

"Kita (ibu pejabat Umno) mengambil perhatian dan membuat catatan usaha-usaha macam ini (oleh pihak tertentu yang mengemukakan cadangan mereka) kerana ada kalanya ia juga penting tetapi ini bukanlah satu arahan rasmi yang kita buat," tambahnya.

Katanya, Presiden Umno juga mempunyai banyak saluran tersendiri untuk memantau keadaan dan mengenal pasti tokoh yang layak dan wakil rakyat mana yang perlu dikekalkan seperti yang telah menjadi amalan Presiden parti.

Ketika diminta mengulas kenyataan pembangkang bahawa mereka akan mengeluarkan manifesto mereka hari ini, Khalil berkata mereka boleh berbuat demikian sebab merekapun sudah lama berkempen.

"Tetapi bagi Umno kita mempunyai jadual kerja dan tindakan kita sendiri," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI